

26 AUG 1999

Ling-Ekonomi

PERTUMBUHAN KDNK: MALAYSIA PERLU TERUS BERUSAHA

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Rakyat tidak sepatutnya alpa walaupun ekonomi telah pulih kerana mereka perlu terus bersatu dan berusaha untuk memantapkan lagi ekonomi, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Katanya kerajaan memerlukan sokongan 100 peratus yang berterusan daripada orang ramai untuk membawa negara kembali ke tahap sebelum terjadinya krisis ekonomi.

"Kita tidak boleh berasa selesa, kita tidak boleh berlari dalam arah yang berbeza. Kita perlu terus berpegang pada jalan yang telah terbukti berjaya setakat ini dan kita mahu menjadikannya rumusan yang logik pada bulan-bulan dan tahun-tahun akan datang," kata Ling yang juga Presiden MCA.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar ekonomi mengenai "Kestabilan Mata Wang: Impak Selepas 12 Bulan" anjuran Biro Ekonomi MCA di sini.

Semalam Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman mengumumkan bahawa Malaysia kini sudah keluar daripada kemelesetan ekonomi apabila berjaya mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.1 peratus pada suku kedua tahun ini berbanding penguncupan 1.3 peratus pada suku pertama tahun ini dan 7.5 peratus tahun lepas.

Ling berkata prestasi mengagumkan itu adalah hasil daripada tindakan bijak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah mengambil langkah pantas dan berani, dibantu tenaga kerja yang berdisiplin kuat serta sokongan padu yang diberikan oleh rakyat Malaysia dan masyarakat perniagaan tempatan.

"Kita mesti terus bersatu, bekerjasama, berpendirian sama, bercakap dengan satu suara dan bergerak dalam satu arah, untuk benar-benar mampu maju ke tahap yang kita rasa selesa kembali," katanya.

Semasa ditanya apa yang akan dilakukan oleh MCA bagi membolehkan orang ramai bergerak dalam satu arah, beliau berkata parti itu akan terus mengadakan dialog lebih kerap terutama dengan dewan perniagaan, dewan perhimpunan Cina, persatuan penjaja dan persatuan pemilik kedai kopi.

Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata parti itu ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara kerana berjaya mengeluarkan negara ini daripada kemelesetan.

"Ini jelas menunjukkan bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonominya telah berjaya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC di sini hari ini.

Beliau berkata MIC yakin bahawa Malaysia mampu mencapai pertumbuhan KDNK sebanyak 1 peratus tahun ini seperti yang diunjurkan oleh kerajaan.

Samy Vellu bagaimanapun mengingatkan orang ramai supaya tidak alpa dan terus bekerja keras bagi memastikan ekonomi negara terus pulih.

Beliau menggesa mereka supaya terus memberikan sokongan dan kerjasama mereka kepada kerajaan bagi memastikan kestabilan dan perpaduan negara.

--BERNAMA

NHD ES RHM